



www.unimas.my

Peneraju Masa Depan Gemilang **Persada**

ISSN : 1675 - 2651

Bil. 15, April - Jun 2005

Sesi Pendaftaran Pelajar Unimas 2005/2006



S
LG
173
K63
P466
27.15
Apr-Jun
2005

- Wacana editor -

Pelajar perlu berkualiti, berinovasi dan kreatif...

Pada awal Julai 2005 sekali lagi Unimas telah menerima kehadiran seramai 1,861 pelajar yang mendaftar di lapan buah fakulti di Unimas. Kehadiran pelajar ini menambahkan lagi bilangan warga Unimas yang telah sedia ada.

Setiap warga di Unimas sama ada kakitangan mahupun pelajar telah memikul peranan dan tanggungjawab masing-masing sebagai cara hidup yang didokong oleh nilai-nilai murni. Nilai-nilai murni itu, seperti bersifat mesra, sentiasa mahukan yang terbaik dan berkualiti tinggi, berinovatif, kreatif, berfikiran terbuka, berterima kasih dan bersyukur sentiasa sahaja ditekankan dan diberikan keutamaan.

Di kalangan kakitangan Unimas, mereka telah membudayakan nilai-nilai serta etika kerja dengan tahap tertinggi. Semangat bekerja keras serta mengutamakan kualiti terbaik dalam apa sahaja urusan sudah menjadi amalan di Unimas.

Antara ciri-ciri yang perlu disemai di kalangan pelajar baru ialah semangat patriotisme. Kekurangan semangat patriotisme di kalangan pelajar akan mengakibatkan kita tidak dapat mengaitkan kesungguhan, dorongan dan keinginan dengan prestasi akademik dalam usaha untuk membangunkan diri masing-masing. Pelajar tidak dapat merasionalisasi antara kenyataan betapa kejayaan akademik mereka akan mempengaruhi jatuh bangun bangsa sendiri.

Pelajar juga hendaklah memanfaatkan segala sumber yang sedia ada untuk tujuan pembelajaran di Unimas. Kemudahan sumber yang disediakan adalah untuk tujuan sokongan tambahan dalam aktiviti pembelajaran.

Pelajar harus ingat mengenai tanggungjawab utama anda untuk terlebih dahulu memperjuangkan kesejahteraan ibubapa dan keluarga anda melalui kejayaan yang gilang gemilang.

Mutiara kata

"How you run an organization is not important but how the organization runs with you is more important." - Onass

"Masalah itu adalah tanda kehidupan. Semakin banyak masalah anda, semakin hidup diri anda! Malah, jikalau kita mengkajinya dengan teliti 'masalah' itu memberikan kita peluang untuk menyelesaikannya." - Dr. Norman Vincent Peale

"Matlamat hidup yang utama bukanlah pengetahuan tetapi tindakan" - T.H. Huxley

Wahai anakku
Carilah ilmu kerana
Apabila kamu menjadi fakir
Ilmu itulah menjadi hartamu
Dan bila kamu kaya
Ilmu itu menjadi perhiasan dirimu

- Lukman ul-Hakim

EDITORIAL



Peneraju Masa Depan Gemilang
Persada

ISSN: 1677-2651

Vol. 15, April - Jun 2005

PENASIHAT

Prof. Abdul Rashid Abdullah
ara@cans.unimas.my
Prof. Khairuddin Ab Hamid
khair@cans.unimas.my
Prof. Sulaiman Hj. Hanapi
sulaiman@cans.unimas.my
Prof. Mohd Azib Salleh
azib@cans.unimas.my
Prof. Hamsawi Sani
awi@cans.unimas.my

EDITOR

Zulkarnain Kipli
kzulkarnain@cans.unimas.my

PENOLONG EDITOR

Norinda K. Su'ut
snorinda@cans.unimas.my

PEREKA

Kamarul Amir Mohamed
amkamarul@vr.unimas.my

JURUFOTO

Mohd Haimey Abdul Razak
arhaimey@cans.unimas.my

WARTAWAN

Erwandi Bujang Senawi
serwandi@cans.unimas.my

PEMBACA PRUF

Rohaida Mohamad
mrohaida@cans.unimas.my

SUMBANGAN

Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Pusat Pemajuan Pelajar
Unit Sukan
Unit Audit Dalam

EDARAN

Unit Penerbitan, Unimas

PENERBIT

Unit Penerbitan
Bahagian Canselori
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan, Sarawak.
Tel: 082-671000 Faks: 082-672406

Persada diterbitkan tiga bulan sekali sebagai wadah terkini warga kampus. Kami di Unit Penerbitan mengalu-alukan sumbangan daripada para pembaca terutama sekali warga Unimas untuk dimuatkan di dalam *Persada*. Sumbangan bolehlah dalam bentuk artikel, rencana, kertas kerja, cerpen, syair, berita semasa dan sebagainya. Setiap sumbangan boleh dialamatkan terus kepada Unit Penerbitan Unimas.



Pelajar sedang mendengar taklimat

Pendaftaran pelajar cepat dan lancar

Seramai 1,861 orang pelajar baru bagi sesi pengajian 2005/2006 telah melapor diri di Unimas pada 3 - 4 Julai 2005. Pengambilan pelajar pada tahun ini merupakan yang terbanyak jika dibandingkan pada tahun lalu.

Menurut Ketua Penolong Pendaftar Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Puan Kamaliah Shahid, pendaftaran pelajar dan kolej kediaman berjalan lancar dan hanya mengambil masa beberapa minit sahaja. Sistem pendaftaran pelajar yang berjalan dengan lancar serta keadaan cuaca yang baik membantu melicinkan lagi proses pendaftaran pelajar di fakulti dan kolej. Selain itu, kerjasama semua pihak terutamanya Pusat Khidmat Maklumat dan Komunikasi (CICTS) telah banyak membantu mempercepatkan lagi sistem pendaftaran pelajar dan kolej kediaman. Dari segi pengangkutan, tiada sebarang masalah kerana pihak universiti menyediakan bas yang mencukupi bagi mengambil pelajar dari lapangan terbang ke Unimas untuk urusan pendaftaran. Unimas turut menyediakan khemah untuk ibu bapa menunggu anak-anak mereka mendaftar.

Sepanjang proses pendaftaran keadaan keselamatan dan lalu lintas berjalan lancar dan teratur tanpa sebarang insiden yang tidak diingini, demikian menurut Pegawai Keselamatan, Encik Yaman Hassan. Lalu lintas di dalam kampus berada dalam keadaan lebih terkawal dan teratur apabila pihak keselamatan Unimas menambah anggota keselamatan bagi membantu melancarkan keadaan lalu lintas di sekitar kampus.

Salah seorang pelajar yang sempat ditanya menyatakan bahawa proses pendaftaran pelajar dan kolej berjalan dengan lancar dan cepat. Selain itu, kemudahan kolej kediaman sangat memuaskan dan selesa serta layanan

kakitangan yang bertugas sangat baik sepanjang proses pendaftaran.

Pelajar baru juga dikehendaki untuk mengikuti Minggu Orientasi selama seminggu bermula pada 3 - 9 Julai 2005. Antara atur cara yang disusun sepanjang program tersebut ialah taklimat Majlis Perwakilan Pelajar dan taklimat mengenai aktiviti senggang, aktiviti bersama fakulti, aktiviti kebudayaan dan acara sukaneka. Tujuan diadakan minggu orientasi adalah bagi mendedahkan suasana pembelajaran di Unimas kepada pelajar baru disamping dapat mengeratkan hubungan silaturahim dan memupuk semangat kerjasama antara pelajar yang berbilang kaum.



Pendaftaran pelajar di fakulti

KM lancar buku Unimas



Prof. Khairuddin Ab. Hamid (Timbalan Naib Canselor Pembangunan dan Inovasi), Unimas sedang menunjukkan sesuatu kepada Ketua Menteri

Ketua Menteri Sarawak, Pehin Sri Abdul Taib Mahmud telah melancarkan buku terbaru terbitan Unit Penerbitan, Unimas bertajuk "P. Ramlee di Cakera Nusantara" yang disunting oleh Encik Awang Azman Awang Pawi dan Khor Chooi Lian. Kedua-duanya merupakan pensyarah Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Unimas. Majlis tersebut diadakan sempena Malam Nostalgia P. Ramlee di Auditorium P. Ramlee RTM Sarawak pada 17 Jun 2005.

Buku yang berharga RM50.00 itu membincangkan gagasan dan banyak penemuan baru mengenai P. Ramlee yang meliputi perkembangan artistik dan kreativiti, lirik, komposisi, skrip dan pengarahannya. Ini dikaitkan dengan konteks pemikiran kebudayaan dan zeitgeist pada ketika itu, dan pemikiran semula dalam bentuk terkini. Secara keseluruhan, ia memberikan kefahaman bentuk semasa yang wujud untuk pembinaan karya kontemporari, dan mengeksplorasi bentuk-bentuk baru pada era *convergence* ini. Buku ini dijangka dapat memberikan suatu bentuk serwajagat P. Ramlee dan beberapa aspek yang merentasi cabaran estetika. Para sarjana, penyelidik dan aktivis seni berkongsi dan bertukar-tukar pandangan mengenai aspek yang relevan tentang kesenimannya.

IPTA disaran amal tadbir urus yang baik



Sebahagian daripada peserta

Audit Dalam Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) selaku urus setia dengan kerjasama Jawatankuasa Mesyuarat Bersama Ketua-Ketua Audit Dalam IPTA buat julung kalinya menganjurkan program Syarahan Perdana oleh Ketua Audit Negara, Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Hadenan Abdul Jalil yang bertajuk "Good Governance": Isu Dan Cabaran pada 17 Mei 2005 di Hotel Merdeka Palace, Kuching, Sarawak. Tema Syarahan Perdana tersebut ialah "Tadbir urus Berkesan Akauntabiliti Dipastikan".

Sektor awam, termasuk badan berkanun dan IPTA tempatan perlu mempunyai tadbir urus yang baik bagi menarik pembiayaan yang amat diperlukan daripada negara-negara dan badan bukan kerajaan yang memberikan sumbangan, demikian menurut Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Hadenan Abdul Jalil.

Kekurangan akauntabiliti dan ketelusan akan membawa akibat buruk memandangkan ia boleh menyebabkan badan kewangan dunia menjadi tawar hati untuk menyumbang kerana pembiayaan itu berkemungkinan disalahgunakan.

Budaya tadbir urus yang baik perlu diwujudkan sebelum sebarang bantuan dapat diberikan kerana sesebuah negara

yang tidak mengamalkan nilai-nilai seperti itu akan menyebabkan penderma dua hala menjadi sangsi untuk menyalurkan bantuan semasa kecemasan atau bencana.

Di Malaysia, tadbir urus yang baik berkait rapat dengan prinsip Islam Hadhari yang digalakkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk pembangunan sosio-ekonomi dan teknologi, keadilan sosial dan toleransi kaum.

Kekurangannya akan turut menyebabkan pelabur asing tawar hati untuk membawa pelaburan dan menjana limpahan aktiviti ekonomi di negara ini.

Antara isu-isu yang dikupas ialah ke arah tadbir urus yang baik dan kaitannya dengan kecekapan pengurusan organisasi.

Pihak penganjur berharap hasil daripada mendengar syarahan perdana ini para peserta akan dapat merealisasikan konsep tadbir urus berkesan di dalam organisasi ke arah mempertingkatkan akauntabiliti dalam pengurusan organisasi. Selain itu syarahan ini juga memberi pendedahan kepada semua IPTA berhubung fungsi auditan yang dijalankan oleh audit negara dan audit dalam IPTA disamping sebagai faktor pendorong dalam memantapkan pengurusan dan tadbir urus di IPTA.

Hampir 200 orang peserta telah menghadiri syarahan tersebut yang terdiri daripada wakil dari IPTA seluruh Malaysia, badan kerajaan dan berkanun dari seluruh negeri Sarawak. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan) Unimas, Prof. Mohd. Azib Salleh yang mewakili Naib Canselor.

Ketua Audit Negara



KE-24

PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR KE-24

Masuk PERCUMA

THE POWER OF BOOKS

23 April - 2 Mei 2005
10.00am - 9.00pm

Putra World Trade Centre
Kuala Lumpur
Malaysia

Layari
www.klibf.com

Hubungi
03 - 7880 9377

"Books are great. You can put them in a crib. People can take them on a bus or plane. I'm a big fan of all kinds of books, and they will continue to be important... With the book, you don't have to have the computer switched on, or even have a computer. My kids will have computers, of course, BUT THEY WILL HAVE BOOKS FIRST."

- Bill Gates

Unit Penerbitan Universiti Malaysia Sarawak telah turut serta dalam Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) ke-24 di Pusat Dagangan Dunia Putra Kuala Lumpur dari 23 April - 2 Mei 2005 yang bertemakan "BUKU MEMPERKAYA MINDA". Unit Penerbitan Unimas merupakan salah sebuah penerbit yang di bawah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) telah bergabung bersama penerbit-penerbit IPTA yang lain untuk mengadakan jualan di PBAKL.

Sebanyak 150 penyertaan telah diterima termasuk daripada 20 buah negara luar seperti Australia, United Kingdom, Mesir, Filipina, Vietnam, Indonesia, Brunei dan Singapura. Jumlah gerai adalah sebanyak 530 buah. Lebih daripada 500,000 orang pengunjung dari dalam dan luar negeri telah mengunjungi pesta buku tersebut.

Untuk menarik lebih ramai pengunjung, pelbagai aktiviti telah diadakan seperti pelancaran buku baru, sesi bercerita, pertunjukan boneka, pertandingan membaca, khemah membaca, bicara buku, bengkel penulisan, pertandingan melukis forum dan berbagai-bagai lagi.

Sempena dengan PBAKL 2005, Unit Penerbitan Unimas bersama penerbit-penerbit IPTA yang lain di bawah MAPIM telah mengadakan Majlis Pelancaran Buku pada 26 Mei 2005 di Bilik Kuala Lumpur PWTC. Sebanyak 17 buah buku dari kalangan ahli MAPIM telah dilancarkan oleh Dato' Dr. Shafie Haji Mohd Salleh, Menteri Pengajian Tinggi pada majlis tersebut. Buku Unimas yang telah dilancarkan bertajuk "Dari Budaya ke Media, Mengangkat Suara Pinggiran di Sarawak" hasil tulis Jeniri Amir seorang pensyarah Fakulti Sains Sosial, Unimas. Kini beliau sedang melanjutkan

pengajian pada peringkat Ph.D dalam bidang media dan politik di Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya.

Pengerusi MAPIM Prof. Dato Dr. Hassan Said dalam kata aluannya menyatakan bahawa MAPIM yang dianggotai sejumlah 25 ahli sentiasa memandang serius dan amat memahami bahawa pencapaian negara dalam aspek berkait rapat dengan sumber ilmu. Lantaran itu, penerbitan bahan ilmiah kini berada pada tahap yang sangat penting. Di Malaysia ketika ini nisbah terbitan judul-judul ilmiah masih terlalu rendah jika dibandingkan dengan terbitan judul terbitan negara barat, China, India dan lain-lain. Atas kesedaran ini MAPIM secara serius sedang berusaha untuk merapatkan jurang perbezaan ini dengan meningkatkan jumlah serta kualiti penerbitan ilmiah yang berteraskan kepada keperluan, budaya dan ciri-ciri bangsa Malaysia.



Dato' Dr. Shafie melancarkan buku MAPIM



Forum penerbitan juga diadakan



Buku terbitan Unimas



Sekitar Pendaftaran Pelajar baru



Pelajar baru

Sekitar

STAF
PELAKSANA

INDIA



Syarahan Ket



Sekitar Perdana

Ketua Audit Negara



SYARAHAN PERDANA KETUA AUDIT NEGARA
YBHG. TAN SRI DATUK DR. HADENAN ABDUL JALM
"GOOD GOVERNANCE: ISU DAN CABARAN"
17 MEI 2005

JAMBUJARAN JAWITANKALASA
KETUA AUDIT MALAYSIA PITA
DENGAN KERUSIAN UMMS

Kursus Induksi Kumpulan Sokongan II dan III

PERSEMBAHAN KUMPULA



Seramai 40 orang kakitangan sokongan (Kumpulan sokongan II dan III) telah menghadiri Kursus Induksi pada 28 Mac

hingga 6 April 2005 anjuran Unit Latihan, Unimas di Pusat Latihan Staf di Bau. Menurut Penolong Pendaftar, Unit Latihan, Encik Zulkarnaen Ali, kursus yang dianjurkan ini merupakan salah satu syarat untuk pengesahan dalam jawatan bagi kakitangan awam. Kursus yang dianjurkan selama 10 hari tersebut telah dikendalikan oleh penceramah yang berpengalaman iaitu Encik Mohd

Razali Abdullah dan Encik Hasni Marjumat.

Selain ceramah, beberapa aktiviti lain telah disusun sepanjang kursus berkenaan antaranya dinamika kumpulan dan aktiviti sukan. Majlis penutupan kursus telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Pengantarabangsaan), Prof. Mohd Azib bin Salleh.

Kursus Asas Kewangan

Unit latihan telah menganjurkan Kursus Asas Kewangan kepada staf sokongan pada 28-29 Jun 2005 di Bilik Belian, Unimas. Kandungan kursus tersebut menekankan aspek-aspek perolehan, pembayaran, terimaan dan pengurusan akaun.

Kursus ini akan memberikan pendedahan secara langsung kepada pengurusan kewangan di tempat bertugas masing-masing disamping memberikan pendedahan dan maklumat terkini yang berkait dengan pengurusan kewangan kepada staf yang sedia ada. Peserta seramai 30 orang itu nanti diharap akan dapat membantu melicín dan menambah keberkesanan pengurusan kewangan di tempat bertugas masing-masing.

PAR diterapkan budaya kerja cemerlang

Seramai 26 orang Pembantu Am Rendah (PAR) Universiti Malaysia Sarawak telah mengikuti kursus PAR Cemerlang yang telah diadakan di Pusat Latihan Staf Unimas di Bau pada 17 hingga 19 Mei 2005. Kursus berkenaan telah dikendalikan oleh penceramah yang berpengalaman iaitu Encik Mohd Razali Abdullah dan Encik Hasni Marjumat. Kursus selama tiga hari tersebut bertujuan menerapkan budaya kerja cemerlang di

kalangan PAR Unimas di samping dapat meningkatkan kecekapan mereka dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan.

Selain ceramah, aktiviti lain turut disusun sepanjang kursus seperti mengadakan aktiviti sukan. Pihak penganjur berharap hasil daripada kursus ini peserta dapat menerapkan budaya kerja cemerlang di dalam diri masing-masing dalam menjalankan tugas di Unimas.

Lakaran puisi cinta musim luruh, buat seorang suami

Di ufuk September musim itu,
Dedaunan ...

Kering dan layu
Dipuput bayu berbisik,
Menerbangkan aku
Ke destinasi yang baru

Dedaun musim luruh,
Hikayat sang pendamba cinta
Sejati dan suci
Cinta luhur penuh pengorbanan
Dari seorang suami.

Akulah dedaun itu
Yang hanya bisa melakarkan bait-bait
puisi
Sebuah cinta musim lalu
Nan lesu ...
Menyentuh kalbu.

Buat seorang suami,
Andainya aku pergi dulu sebelummu
Titipkan aku sekalong doamu ...
... cinta suciku seteguh tugu.
Membina anak bangsa penuh tekad,
Menimba ilmu duniawi dan ukhrawi,
Demi kecintaan pada Illahi.

Dedaun musim luruh,
Berguguran satu persatu,
Bertemankan dingin bayu salju
Teguh bersama tekad, cinta dan cita-cita
Bersatu ... di kelopak musim bunga
Memberi azam penuh makna.

Nazdnaz, Mei 2005
MPH, Unimas
(ilham catatan: Seoul, Korea Selatan,
September 2002)

Sesungguhnya

Kelembutan dalam keimanan
Sesuai keindahan yang mengagumkan
Diselubungi keharuman dalam
Dakapan kesyahduan

Kasih sayang dalam kejujuran berteras keimanan
Disudami pengertian dihiasi kesopanan
Sesuai kebijaksanaan
Melahirkan kebahagiaan yang
Paling unggul dan abadi
Kerana nilai kualiti diri yang hakiki

June Ameng (FSKPM Unimas)

Kenangan

ku hirup segar
bau dedaunan
hijau merimbun
segar mekar di taman nan indah

ku sedut nafasku sedalam-dalamnya
kenangan pun mengimbau
dalam benakku

hancur luluh
pedih pahit
tawa ria
suka duka

mainan hidupku
yang mana mungkin aku lupakan.

Dia
Pernah aku sapa
Dan aku cinta
Kini tiada lagi
Di sisi
Mahupun di hati
Mungkinkah ini balasan dariNya
Atau mungkin sudah tertera di sana
Terukir kukuh disisiNya

Mungkin
Nasibku tak seasyik yang ku inginkan
Tetapi kenangan
Akan tetap segar di ingatan

Kam 05

A Token of Memento

From Malaysia to Switzerland,
just to meet you all the way.
We indeed are friends.
Your warm welcome marks it today.

From tropical sun to summer sun,
we enjoy your beautiful country.
Although our countries are different,
at hearts, we are in unity.

You've been so generous and kind,
sharing your knowledge and experiences.
They will surely benefit all mankind
and have really enlightened us.

Winning Nobel Prizes proves your successes.
We applaud you our congratulations.
We too want to achieve marked progresses.
We look forward for future cooperation.

Malaysians and Swiss promote peace.
Global way is our way.
Forever friendship we've established,
although soon we'll part away.

No million words can express
our sincere thanks to you.
Please accept this poem from us,
as a token of memento.

Awang IPR
28 June 2005
Zurich, Switzerland.

ANEKA PERISTIWA

4 April 2005

Simposium Penyelidikan Unimas 2005 (URS 2005) telah diadakan di Dewan Kuliah 7 dan semua staf akademik telah dijemput bagi menjayakan majlis tersebut. Tetamu kehormat pada simposium tersebut ialah Naib Canselor Unimas, Prof. Abdul Rashid Abdullah dan Ketua Setiausaha MOSTI YBhg Dato' Suriah Abd Rahman.

9 April 2005

Untuk mendedahkan staf wanita tentang pengendalian kereta, Biro Pendidikan dan Latihan MASNITA dengan kerjasama Institut Kemahiran Mara (IKM), Kuching telah menganjurkan Bengkel Pengendalian Kereta di IKM, Kuching. Para peserta dikenakan yuran RM5.00 untuk ahli dan RM10.00 bagi bukan ahli. Seramai 30 orang peserta telah menyertai bengkel tersebut.

11 April 2005

Petronas dengan kerjasama Unimas telah mengadakan Program EduCamp di Kampus Unimas. Seramai 250 orang pelajar lepasan SPM 2004 dari Sarawak dan Sabah yang telah memohon untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Teknologi Petronas dan universiti luar negara telah terlibat dalam program ini.

14 April 2005

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah membuat beberapa lantikan seperti berikut:

Prof. Khairuddin Ab Hamid telah dilantik semula sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) berkuatkuasa pada 16 September 2004 bagi tempoh dua tahun.

Prof. Mohd Azib Salleh telah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik & Pengantarabangsaan) berkuatkuasa pada 16 Mac 2005 bagi tempoh tiga tahun.

Sementara itu pihak Pengurusan Unimas telah membuat beberapa lantikan:

- i) **Prof. Madya Dr Kopli Bujang** Dekan, Pusat Pengajian Siswazah berkuatkuasa pada 1 Mei 2005 bagi tempoh dua tahun.
- ii) **Dr. Awangku Abdul Rahman Pgn Hj Yusof** Pengarah, Pusat Pemindahan Teknologi dan Perundingan berkuatkuasa pada 1 Mei 2005 bagi tempoh dua tahun.

iii) **Dr Mahadhir Alhady Sulaiman** Penyelaras Fasa II Program Perubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan berkuatkuasa pada 1 April 2005 bagi tempoh dua tahun.

18 April 2005

Bahagian Pengurusan Aset dengan kerjasama Pusat Khidmat Teknologi Maklumat dan Komunikasi telah melangkah setapak lagi dengan terhasilnya Aplikasi Tempahan Kenderaan secara *online* yang dinamakan E-TEMPAH. Segala urusan yang berkaitan dengan tempahan kenderaan hendaklah dibuat melalui sistem tersebut.

23 April 2005



Sekali lagi MASNITA menganjurkan sesi senamrobik di Dataran Canselori, Unimas bermula jam 8.00 pagi. Senamrobik tersebut telah dipimpin oleh jurulatih bebas, Encik Fadillah Hj Jais.

6 Mei 2005

Persatuan Pegawai Akademik Unimas (PPAU) telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan yang kedua di Dewan Kuliah 7 pada jam 2.30 petang. Antara agendanya ialah pengesahan minit Mesyuarat Agung Tahunan yang pertama (2004) dan pilihan raya untuk Majlis Eksekutif *Protem* 2005. Semua staf akademik Unimas telah dijemput bagi menghadiri mesyuarat tersebut.

1 Jun 2005

Pusat Pengajian Bahasa (PPB) telah ditubuhkan semula bagi menawarkan program-program pengajian bahasa peringkat prasiswazah dan pascasiswazah. Selain itu PPB akan bertanggungjawab dalam menjalankan aktiviti penyelidikan berkaitan

dengan bahasa dan mengendalikan kursus-kursus pemantapan Bahasa Inggeris di kalangan staf dan pelajar. Sehubungan penubuhan tersebut, Dr Norsish Fauzan telah dilantik sebagai Dekan dan Dr Ting Su Hie telah dilantik sebagai Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pengajian Pascasiswazah) bagi tempoh dua tahun.

8 Jun 2005

Jawatankuasa Pemilih dan Kenaikan Pangkat Pegawai Pengurusan dan Profesional, Unimas telah bersetuju meluluskan kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai berikut:

- i) **Puan Kamaliah Md Shahid – Bahagian Hal Ehwal Pelajar** Pegawai Tadbir N48 ke jawatan Pegawai Tadbir N52 berkuatkuasa 3 Jun 2005.
- ii) **Puan Ratifah Alias – Pusat Khidmat Teknologi Maklumat dan Komunikasi** Pegawai Sistem Maklumat F48 ke jawatan Pegawai Sistem Maklumat F52 berkuatkuasa 3 Jun 2005
- iii) **Tuan Haji Mazlan Kiflie – Pejabat Bendahari** Juruaudit W48 Secara Khas Untuk Menyandang (KUP) ke jawatan Juruaudit W48 Secara Hakiki berkuatkuasa pada 1 Januari 2005.

8 Jun 2005

Pihak Pengurusan Unimas telah membuat pelantikan berikut bagi tempoh dua tahun berkuatkuasa pada 1 Jun 2005.

- i) **Dr. Shahren Ahmad Zaidi – Dekan,** Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia
- ii) **Cik Julia Lee Ai Chen – Ketua Unit** E-Learning, Pusat Pembelajaran Gunaan dan Multimedia
- iii) **Prof Madya Dr Wang Yin Chai – Ketua** Program Komputan Multimedia, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

25 Jun 2005

Unimas telah muncul sebagai penerima Anugerah "Cho Bok Challenge Trophy" iaitu Anugerah Penderma Darah daripada Persatuan Bulan Sabit Merah Cawangan Kuching bagi Kategori Institut Pengajian Tinggi. Anugerah telah disampaikan oleh YABhg Datuk Amar Puan Sri (Dr.) Hajjah Laila Taib, Penaung Persatuan Bulan Sabit Merah Cawangan Kuching pada majlis rasmi yang diadakan di Auditorium Majlis Bandaraya Kuching Selatan.

30 Jun 2005

Koperasi Unimas Berhad telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-2 di Dewan Kuliah 1 jam 2.30 petang. Antara agenda mesyuarat ialah membenteng dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Pertama dan Mesyuarat Agung Khas. Semua ahli dijemput bagi menghadiri mesyuarat tersebut dan bagi sesiapa yang hadir telah diberi baucer RM10.00 dan berpeluang untuk memenangi hadiah cabutan bertuah.



Pendaftaran ahli-ahli koperasi

Unimas students won SOSC

Praveen Raj Santhira Rajah and Jennifer Law from Universiti Malaysia Sarawak's (Unimas) Faculty of Computer Science have become the joint champions of the inaugural Sarawak Open Source Competition (SOSC) 2004.

Both of them 22 years old, won with their project, Internet Quota Management System (IQMS), earning them RM6,000 cash and a Personal Digital Assistant (PDA).

Briefly, the IQMS has the ability to manage the usage of Internet and thereby, reduce network congestion. As a result, this controlled mechanism allows speedy access of internet services.

The system also educates users of the proper way of Internet usage through an effective and resource saving method.

Law also won the second prize of RM3,000 for her secure e-medical Record System. The system allows doctors to view and add medical history for their patients and also to request the medical history of patients from other doctors.

Similarly, patients will be able to view their personal record and medical history and they are allowed to change their details such as their address and contact number.

In third place was Ahmad Hadinata Fauzi and Johari Abdullah with their Web-Based Online Testing System. They won RM1,000.

The winners received their prizes from Deputy Chief Minister Tan Sri Datuk Amar Dr. George Chan, who is the State Information Technology Resources Council (SITRC) chairman, at a ceremony on 26 April 2005.

The SOSC is a joint-effort of the State Information Communication Technology (ICT) Unit of the Chief Ministers Department and the Sarawak Information Systems Sdn Bhd (SAINS). Dr. Chan is also SAINS, chairman.

The objectives of the competition were to promote public awareness on Open Source Initiatives (OSI) and to encourage participation and contribution in OSI project implementation. The main target group is the new generation of software engineers, developers programmers and those who have the interest and talents but not much resource to develop their vision.


Irine & Nas

Juara Badminton Tertutup Unimas

Pasangan Irine Sanyung dan Nas a/k Sampei telah berjaya menewaskan pasangan Aliza Ameran dan Mazeni Seruji dalam perlawanan akhir Pertandingan Badminton Tertutup Unimas 2005 anjuran Kelab Badminton Unimas pada 10 Mei 2005. Pertandingan tersebut diadakan di Dewan Unimas, Kota Samarahan. Sebanyak 10 pasukan bergu wanita telah menyertai pertandingan tersebut.

Format pertandingan dijalankan secara liga dalam kumpulan dan "kalah mati" bagi pusingan kedua. Menurut pihak penganjur tujuan pertandingan adalah bagi mengilap semula bakat-bakat pemain wanita di dalam sukan ini disamping mencungkil bakat-bakat baru.

Johan pertandingan tersebut telah menerima piala, manakala naib johan serta tempat ketiga juga menerima hadiah kemenangan masing-masing. Majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang telah disempurnakan oleh Ketua Penolong Pendaftar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Puan Kamaliah Md. Shahid.



Street Soccer Terbuka Unimas

Pasukan Siong United dari Kuching telah muncul juara pertandingan Street Soccer Terbuka Unimas 2005 anjuran Unit Sukan Unimas pada 30 April 2005 hingga 1 Mei 2005 yang diadakan di gelanggang Bola Keranjang Unimas. Sebanyak 12 buah pasukan dari Kuching dan Samarahan telah mengambil bahagian. Yuran penyertaan sebanyak RM100.00 dikenakan bagi setiap pasukan.

Pasukan yang bertanding dibahagikan kepada tiga kumpulan dan terdapat 4 buah

pasukan bagi setiap kumpulan. Antara objektif pertandingan tersebut ialah bagi mempromosi dan menarik minat belia di sekitar Kuching dan Samarahan bagi menyertai pertandingan tersebut selain dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara Unimas dengan agensi luar serta menggalakkan penglibatan penduduk sekitar bagi menyertai pertandingan tersebut.

Pasukan Siong United yang muncul juara membawa pulang piala, wang tunai

RM250.00 serta medal, naib johan pasukan Think FC, Unimas membawa pulang wang tunai RM150.00 serta medal, tempat ketiga pasukan Damco Star dari Tanjung Parang membawa wang tunai RM50.00 serta medal. Manakala tempat keempat pasukan staf Unimas membawa pulang wang tunai RM50.00 serta medal.

Majlis penyampaian hadiah serta penutupan rasmi kejohanan berkenaan telah disempurnakan oleh Penolong Pegawai Sukan, Encik Hardy Suntol.

Pertandingan Tenis Tertutup Kota Samarahan

Unit Sukan, Unimas dengan kerjasama Persatuan Tenis Kota Samarahan telah menganjurkan Pertandingan Tenis Tertutup Kota Samarahan yang diadakan pada 25-28 Mac 2005 di gelanggang Tennis Unimas. Pertandingan selama empat hari tersebut disertai oleh beberapa persatuan Tenis di sekitar Kota Samarahan. Menurut pihak penganjur, pertandingan tersebut bertujuan menarik minat masyarakat sekitar bagi menceburi sukan tenis di samping mencungkil bakat pemain baru yang berpotensi untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi. Selain itu, pertandingan ini juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara persatuan dan pemain dan seterusnya sebagai persediaan untuk pertandingan MAKSAK yang akan diadakan di Bintulu.

Bagi kategori perseorangan, johan telah di menangi oleh Khoo Lip Khoon (Unimas), naib johan, Zambari Bajjuri (Unimas) dan tempat ketiga Suhairi Salem (Unimas) dan Hamdan Ahmad dari JKR Training Centre, Kota Samarahan. Sementara bagi acara bergu, johan dimenangi oleh pasangan Khoo Lip Khoon dan Suhairi Salem (Unimas), Naib johan Taruna dan Sidi ak Riang (JKR Training Centre, Kota Samarahan) dan tempat ketiga Kaderi dan Buda dari JKR Kota Samarahan dan Awang Ibrahim dengan pasangan Wan Samsudin JKR Training Centre, Kota Samarahan. Seterusnya johan (Plate) dimenangi oleh pasangan Johari dan Rafi dari Serian Training Centre.

Bagi kategori veteran pula, johan dimenangi oleh Taruna dengan pasangannya Sidi ak Riang (JKR Training Centre) dan Naib Johan Raja Iskandar dengan pasangannya Faisal dari Serian Training Centre.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pegawai Daerah Kota Samarahan, Haji Abang Abdul Wahab Bin Abang Muzi.



Bola Sepak Veteran

Unimas telah turut serta dalam pertandingan Bola Sepak Veteran anjuran Kementerian Pertahanan Awam Sarawak (KAKEP). Pertandingan tersebut telah diadakan pada 2-3 April 2005 di padang UiTM Cawangan Sarawak, Kota Samarahan. Sebanyak 20 pasukan yang terdiri daripada pelbagai jabatan kerajaan dan badan berkanun seperti SESCO, MBKS, KAKEP, PDRM, Jabatan Pendidikan, PERUMAHAN dan LANDAS telah turut serta dalam pertandingan tersebut. Pasukan PERUMAHAN telah muncul juara setelah mengalahkan pasukan SESCO A dengan jaringan 3-2.

ISSN 1675-2651



9 771675 265001